

PERSAINGAN BARISAN NASIONAL DAN PAKATAN HARAPAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14 DI NEGERI SEMBILAN

Mohd Dhafifi Mohd Dahlan*

Abstrak

Artikel ini memfokuskan perbincangan mengenai pertembungan antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan dalam persaingan memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 di Negeri Sembilan. PRU-14 mencatatkan sejarah penting politik Malaysia yang menyaksikan berakhirnya dominasi Barisan Nasional setelah menguasai kuasa pentadbiran kerajaan Pusat selama tempoh 61 tahun. Gabungan parti ini turut kehilangan penguasaan di peringkat pentadbiran kerajaan Negeri termasuk Negeri Sembilan yang dianggap sebagai kubu kuat Barisan Nasional. Dominasi pemerintahan Barisan Nasional berjaya dinafikan Pakatan Harapan yang memperoleh kerusi mudah pada pilihan raya ini untuk membentuk pentadbiran kerajaan Negeri Sembilan. Justeru itu, objektif artikel adalah untuk mengenal pasti persaingan politik Negeri Sembilan pada PRU-14 berdasarkan tawaran manifesto parti bertanding. Seterusnya, artikel ini menumpukan persaingan antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan dengan membincangkan manifesto yang ditawarkan dua gabungan parti ini. Kajian artikel ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan metodologi sejarah dengan menganalisis manifesto pilihan raya dan penulisan akhbar-akhbar tempatan mengenai isu berkaitan PRU-14. Dapatan kajian mendapati, Barisan Nasional melalui manifesto pilihan raya menonjolkan kejayaan yang dicapai sepanjang tempoh pentadbiran dan menetapkan matlamat meneruskan dasar pembangunan negeri yang telah dirancang. Walau bagaimanapun, Pakatan Harapan telah memberi tentangan kuat dengan menjadikan isu salah tadbir urus negara dalam kepimpinan Barisan Nasional sebagai sentiment utama. Isu tersebut diangkat dengan turut diperjuangkan ke dalam manifesto pilihan raya.

Kata kunci: Pilihan Raya Umum 14, Manifesto Pilihan Raya, Barisan Nasional, Pakatan Harapan, Negeri Sembilan

* Mohd Dhafifi Mohd Dahlan ialah pelajar Ph.D dalam bidang Sejarah di Universiti Islam Melaka (UNIMEL).

Pengenalan

Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018 disifatkan sebagai pertembungan yang mencabar dan sengit melibatkan parti politik bertanding. Barisan Nasional sebagai parti yang telah menguasai pentadbiran negara iaitu diperingkat kerajaan Pusat dan penguasaan di beberapa buah negeri menghadapi tentangan daripada blok pembangkang seperti Pakatan Harapan dan Gagasan Sejahtera. Kerajaan Negeri Sembilan juga tidak pernah mengalami pertukaran pentadbiran sejak pilihan raya pertama Tanah Melayu yang terus dikuasai parti Perikatan dan Barisan Nasional. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan tumpuan terhadap pertembungan Barisan Nasional dan Pakatan Harapan menjelang PRU-14. Dasar rancangan pembangunan ekonomi negeri yang semakin berkembang dalam industri pembuatan dengan dibuktikan peningkatan nilai pelaburan setiap tahun menjadi antara taruhan kempen Barisan Nasional kepada rakyat Negeri Sembilan.

Prestasi Sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13

Sektor pembuatan dan perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Sembilan. Ekonomi Negeri Sembilan telah dipacu berdasarkan kepada dua sektor ini sejak tahun 2000 yang memberi sumbangan tinggi hasil ekonomi dan membuka peluang besar pekerjaan kepada penduduk. Namun begitu dari segi pelaburan, kerajaan negeri mengutamakan pelaburan dalam sektor pembuatan dengan mewujudkan pembangunan kawasan perindustrian bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan.¹ Mohamad Hasan yang mula dilantik sebagai Menteri Besar telah meneruskan dan memperkukuhkan dasar dalam menjadikan Negeri Sembilan sebagai lokasi pilihan pelabur. Kerajaan negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional telah mensasarkan perancangan meningkatkan pelaburan dengan mengutamakan kepada pelaburan sektor pembuatan. Sehingga tahun 2012, sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang utama yang terbesar kepada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Sembilan;²

Jadual 1 Peratusan Sumbangan KDNK Negeri Sembilan Mengikut Sektor Ekonomi, 2005 hingga 2013³

| Sektor Ekonomi | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|----------------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| Pembuatan | 53.3 | 53.2 | 52.4 | 50.9 | 49.4 | 48.8 | 48.8 | 48.3 |
| Pertanian | 8.3 | 8.4 | 7.8 | 7.7 | 8.2 | 8.0 | 8.1 | 10.9 |
| Perlombongan & Pengkuarian | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.2 |
| Pembinaan | 2.1 | 1.9 | 1.9 | 2.1 | 2.3 | 2.3 | 2.3 | 2.5 |
| Perkhidmatan | 35.7 | 36.1 | 37.5 | 38.7 | 39.7 | 39.9 | 40.1 | 40.6 |
| (+) Duti Import | 0.5 | 0.3 | 0.3 | 0.5 | 0.4 | 0.9 | 0.7 | 0.7 |

Sumber: Data Penting Sosioekonomi Negeri Sembilan 2013

- 1 Laporan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045, Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan), 2018, hlm. 2.41.
- 2 Data Penting Negeri Sembilan Tahun 2013, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan, 2013, hlm. 34.
- 3 Data Penting Sosioekonomi Negeri Sembilan Tahun 2013, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan, 2013,

Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada KDNK Negeri Sembilan sehingga tahun 2012 berbanding sektor lain seperti pembuatan, perlombongan serta pengkuarian, pertanian dan perkhidmatan. Meskipun merupakan penyumbang utama, dari segi pertumbuhan sektor ini mencatatkan penurunan sejak tahun 2005. Namun begitu, nilai sebenar output dan produktiviti sektor pembuatan sebenarnya masih meningkat dengan mengambil tahun 2012 dan 2013 sebagai contoh. Nilai output dan produktiviti pada tahun 2012 adalah sebanyak RM13,395 juta. Kemudian meningkat kepada RM13,483 juta pada tahun 2013. Nilai pertumbuhan dalam sumbangan KDNK menurun berikutan perubahan struktur sektor pembuatan daripada beroreantasikan tenaga buruh kepada industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal tanpa bergantung tenaga kerja yang tinggi.⁴ Kedudukan sektor pembuatan yang muncul sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negeri adalah berikutan kestabilan politik, pengukuhan asas ekonomi negeri, pengukuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan (PKS) yang berdaya saing dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.⁵

Seterusnya melibatkan perancangan bersama kerajaan negeri dan kerajaan Pusat dalam menyediakan kawasan perindustrian strategik yang disokong bersama kemudahan infrastruktur lain seperti pengangkutan dan perhubungan. Kerajaan negeri telah mensasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM 1 bilion bagi setiap tahun dan sektor ini mencatatkan prestasi baik dengan sentiasa melepasi sasaran tersebut. Pada tahun 2013, sebanyak 1,687,910 juta pelaburan telah diluluskan di Negeri Sembilan. Nilai tersebut telah menyumbang kepada jumlah pelaburan keseluruhan iaitu sebanyak RM10,323,000 juta sepanjang tahun 2011 sehingga 2013.⁶ Sementara itu, sepanjang tahun 2000 hingga 2014 di Negeri Sembilan telah mencatatkan 448 projek pelaburan dalam pembuatan yang membuka sebanyak 46,428 peluang pekerjaan.⁷ Ekonomi negeri terus dipacu oleh sektor pembuatan dan muncul sebagai sektor penting dengan terus menarik minat kedatangan pelabur.

Manakala sektor perkhidmatan pula merupakan sektor kedua terbesar di Negeri Sembilan. Sektor perkhidmatan terdiri daripada subsektor perdagangan borong dan runcit, pelancongan, restoran, ICT dan komunikasi, serta perkhidmatan kerajaan. Kesemua subsektor ini mengalami pertumbuhan kukuh dan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada ekonomi negeri. Sektor ini terus berkembang mengalami pertumbuhan sejak 2005 iaitu mencatatkan kadar KDNK sebanyak 35.7 peratus dan mencapai kadar pertumbuhan KDNK 40.6 peratus pada tahun 2012. Malah sebagaimana dalam jadual 5.1 dapat dilihat bahawa

hlm. 34. Akan tetapi terdapat perbezaan nilai sumbangan KDNK Negeri Sembilan mengikut Sektor Ekonomi pada harga malar yang diterbitkan pada Data Sosioekonomi Negeri Sembilan tahun 2015. Laporan tersebut yang mencatatkan sumbangan KDNK bermula pada tahun 2010 mencatatkan angka berbeza melibatkan ke semua sektor. Antara contoh, sektor pembuatan pada tahun 2010 mencatatkan nilai sebanyak 43.6%, 44.0% pada tahun 2011 dan 43.8% pada tahun 2012. Manakala jadual 5.1 di atas yang diambil daripada Data Penting Sosioekonomi Negeri Sembilan tahun 2013 pula mencatatkan bagi sektor pembuatan, 48.8% pada tahun 2010, 48.8 pada tahun 2011 dan 48.3% pada tahun 2012. Dalam hal ini, laporan yang dikeluarkan pada tahun 2013 telah diambil sebagai rujukan. Walau bagaimanapun secara keseluruhan berdasarkan laporan sosioekonomi Negeri Sembilan tetap mencatatkan trend penurunan bagi sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK dan peningkatan sektor perkhidmatan yang mengambil alih kedudukan sektor perkhidmatan. Sila lihat Data Sosioekonomi Negeri Sembilan Tahun 2015, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan, 2015, hlm. 13.

4 Laporan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045, 2018, hlm. 241.

5 Laporan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045, 2018, hlm. 5.96.

6 Data Penting Negeri Sembilan Tahun 2013, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan, 2013, hlm. 36-37.

7 Laporan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045, 2018, hlm. 5.96.

pertumbuhan sektor perkhidmatan dilihat hampir menyaingi pertumbuhan sektor pembuatan yang semakin mengalami penguncupan.⁸ Pertumbuhan sektor ini dipengaruhi oleh sumbangan industri pelancongan yang merupakan subsektor utama daripada sektor perkhidmatan. Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong tempatan dan luar negara. Sejak 2011, negeri ini telah mencatatkan jumlah pelancong seramai 2.36 juta dan mencatatkan kepada 41.2 juta pada tahun 2012. Peningkatan kedatangan pelancong merangsang pelbagai sektor dan seterusnya menggandakan pertumbuhan ekonomi negeri.⁹ Berdasarkan potensi ini, kerajaan negeri telah menjadikan industri pelancongan sebagai tumpuan aktiviti.

Jadual 2.2 KDNK Negeri Sembilan dan Kadar Pertumbuhan, 2006 hingga 2012

| | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|-------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| RM Juta | 19,736 | 21,554 | 22,680 | 23,657 | 23,804 | 25,177 | 26,414 | 27,730 |
| KDNK (%) | 9.2 | 5.2 | 4.3 | 0.6 | 0.6 | 4.9 | 4.9 | 5.0 |
| Pertumbuhan | | | | | | | | |

Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045

Sejak tahun 2003 kerajaan negeri telah mengutamakan sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dalam rancangan pembangunan ekonomi. Dua sektor ini diberikan keutamaan berdasarkan potensi untuk memberi sumbangan besar kepada nilai ekonomi dan membuka peluang pekerjaan yang besar. Perkembangan sektor pembuatan dan perkhidmatan telah mempengaruhi pertumbuhan KDNK negeri yang mencatatkan nilai berjumlah RM27,730,000 juta pada tahun 2012.¹⁰ Justeru itu, kadar KDNK Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan yang konsisten sepanjang tahun 2005 sehingga 2012.

Perkembangan pembangunan ekonomi Negeri Sembilan sejak tahun 2015 telah mencatatkan prestasi yang baik. Prestasi ini dipengaruhi oleh kemampuan kerajaan negeri menyediakan asas pembangunan infrastruktur dalam merangsang pertumbuhan ekonomi. Barisan Nasional yang selama ini menguasai pentadbiran kerajaan negeri telah merangka dasar pembangunan ekonomi yang mensasarkan pertumbuhan pelaburan dalam industri pembuatan. Selain daripada pembangunan kawasan perindustrian, kerajaan negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional telah menumpukan rancangan memperluaskan penyediaan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan. Aspek tersebut penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi perindustrian dan menjadikan Negeri Sembilan sebagai lokasi pelaburan. Nilai dijadikan lokasi pemangkin pembangunan perindustrian di Negeri Sembilan. Pembangunan perindustrian di Nilai telah dibantu dengan peranan bersama antara kerajaan negeri dan kerajaan Pusat menyediakan kemudahan rangkaian infrastruktur melibatkan perhubungan jalanraya dan lebuh raya, kemudahan pengangkutan, kemudahan telekomunikasi dan infrastruktur perniagaan.¹¹

8 Data Penting Negeri Sembilan Tahun 2013, hlm. 31.

9 Data Penting Negeri Sembilan Tahun 2013, hlm. 46.

10 Laporan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045, 2018, hlm. 5.85.

11 Thara Wong Woharn, Mohd Yusof Hussain & Azima Abdul Manaf, Faktor Penentu Pemilihan Lokasi Industri Pembuatan: Kajian Kes Kawasan Perindustrian Nilai, *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space*, 6 issue 2, 2010, hlm. 26.

Rancangan kerajaan negeri dalam membangunkan sektor perindustrian di kawasan-kawasan tertentu diperkukuhkan di Nilai dan diperluaskan ke kawasan lain merangkumi daerah Seremban dan Port Dickson. Usaha dilakukan bagi membentuk dasar perancangan yang realistik yang dapat meningkatkan pelaburan. Sekaligus ia memberikan kesan terhadap pertumbuhan KDNK Negeri Sembilan yang mengalami peningkatan secara konsisten. Dalam hal ini, kerajaan negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional telah dasar yang melonjak pertumbuhan ekonomi negeri berdasarkan pembangunan perindustrian berimpak tinggi setanding dengan negeri lain. Prestasi pembangunan ekonomi Negeri Sembilan di bawah kepimpinan Dato' Seri Mohamad sebagai Menteri Besar telah menaikkan imej beliau dalam kalangan rakyat. Beliau yang juga mesra dikenali sebagai "Tok Mat" dilihat sebagai pemimpin berkaliber dan memiliki reputasi baik dalam pentadbiran serta tempoh menduduki jawatan Menteri Besar sejak tahun 2004.¹² Beliau juga mempunyai karisma sebagai seorang Menteri Besar yang mempunyai banyak idea yang dilaksanakan bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk dalam negeri. Sehubungan itu, prestasi pentadbiran dan reputasi yang baik ini sudah pastinya memberi kelebihan kepada Barisan Nasional untuk mempertahankan kemenangan menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Malah ia menjadi cabaran besar bagi parti pembangkang untuk memecahkan dominasi Barisan Nasional yang selama ini menguasai pentadbiran kerajaan Negeri Sembilan.

Persaingan Politik Dalam Pilihan Raya di Negeri Sembilan

Berdasarkan latar belakang politik, Barisan Nasional membentuk hegemoni dalam pentadbiran kerajaan Negeri Sembilan dengan sentiasa mencatatkan kemenangan dalam siri Pilihan Raya Umum selepas kemerdekaan negara. Barisan Nasional tidak pernah gagal membentuk kerajaan negeri sebelum ditumbangkan pada PRU-14. Keputusan dalam tiga siri pilihan raya sebelum PRU-14 mencatatkan kemenangan Barisan Nasional melibatkan kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Sembilan. Walau bagaimanapun, terdapat juga trend penurunan pengundian dan peralihan bagi beberapa kerusi meskipun gabungan parti itu masih memiliki penguasaan dalam pentadbiran. Dominasi Barisan Nasional dicatatkan dalam PRU-12 yang diadakan pada tahun 2008.

Jadual 2.3 Keputusan Pilihan Raya Umum ke-11 (2004) di Negeri Sembilan

| | DUN | Parlimen |
|-------------------------|-----------|----------|
| UMNO | 22 | 5 |
| MCA | 8 | 2 |
| MIC | 2 | 1 |
| Gerakan | 2 | - |
| Barisan Nasional | 34 | 8 |

12 Ariff Aizuddin dan Mohammad Khairuddin, Ayunan Bandar dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45, (2) December, 2018, hlm. 263.

PERSAINGAN BARISAN NASIONAL DAN
PAKATAN HARAPAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14 DI NEGERI SEMBILAN

| | DUN | Parlimen |
|---------------|-----------|----------|
| DAP | 2 | - |
| PKR | - | - |
| PAS | - | - |
| JUMLAH | 36 | 8 |

Sumber: Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-11

Barisan Nasional mencatatkan prestasi cemerlang dalam PRU-11 dengan kemenangan bagi 34 kerusi daripada keseluruhan 36 kerusi DUN di Negeri Sembilan. Jumlah kemenangan tersebut telah membentuk penguasaan dalam Dewan Undangan Negeri dengan mencapai majoriti 2/3. Manakala bagi peringkat Persekutuan pula gabungan politik itu berjaya memenangi kesemua kerusi yang ditawarkan iaitu 8 kerusi parlimen. Kesemua komponen parti iaitu UMNO, MCA, MIC dan Gerakan berjaya menyumbangkan kemenangan kerusi DUN kepada Barisan Nasional. Hanya MCA yang tidak berjaya mencatatkan kemenangan bagi semua calon yang bertanding. Parti itu telah meletakkan sebanyak 10 calon tetapi hanya memperoleh kemenangan bagi 8 kerusi DUN. Dua kerusi DUN tersebut berjaya dimenangi DAP iaitu melibatkan DUN Bahau dan Lobak. Hanya DAP sahaja parti pembangkang yang berjaya memenangi kerusi DUN Negeri Sembilan. Manakala parti pembangkang lain iaitu PKR yang bertanding sebanyak 11 kerusi dan PAS pula bertanding sebanyak 14 calon tidak berjaya memenangi sebarang kerusi DUN.¹³

Jadual 2.4 Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 (2008) di Negeri Sembilan

| | DUN | Parlimen |
|------------------|-----------|----------|
| UMNO | 19 | 5 |
| MCA | 1 | - |
| MIC | 1 | - |
| Gerakan | - | - |
| Barisan Nasional | 21 | 5 |
| DAP | 10 | 2 |
| PKR | 4 | 1 |
| PAS | 1 | - |

Sumber: Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12

Rekod kemenangan cemerlang yang dicapai Barisan Nasional walau bagaimanapun mengalami penurunan pada PRU-12. Pada PRU-12 gabungan parti itu kehilangan sebanyak 13 kerusi dengan hanya mencatatkan kemenangan sebanyak 21 kerusi DUN. Peringkat Parlimen juga mengalami penurunan iaitu tewas di kerusi Seremban, Rasah dan Teluk Kemang (Port Dickson). UMNO sebagai parti dominan dalam gabungan ini mengalami kekalahan bagi 3 kerusi DUN. PKR berjaya menewaskan calon UMNO bagi kerusi DUN Sikamat dan

¹³ Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-11.

Ampangan. Selain itu, PKR juga berjaya menumbangkan calon MIC bagi kerusi Parlimen Teluk Kemang. Manakala PAS pula berjaya memenangi 1 kerusi dengan menewaskan calon UMNO di kerusi DUN Paroi. Berbanding PRU lepas, PKR dan PAS berjaya menyumbangkan bilangan kerusi parti pembangkang sehingga menafikan majoriti 2/3 Barisan Nasional dalam DUN Negeri Sembilan.

PRU-13 mencatatkan penurunan prestasi Barisan Nasional yang mengalami kekalahan bagi hampir semua kerusi yang memiliki majoriti pengundi bukan Melayu dan bilangan pengundi Cina yang tinggi. MIC sebagai parti komponen yang mewakili politik kaum Malaysia hanya berjaya memenangi DUN Jeram Padang dan tidak berjaya mempertahankan kerusi DUN Port Dickson (Sri Tanjung) yang telah beralih sokongan kepada calon PKR. MCA kehilangan sebanyak 7 kerusi dan hanya berjaya mempertahankan 1 kerusi iaitu DUN Chennah. Sementara itu, Gerakan pula yang bertanding di 2 DUN tidak berjaya memenangi sebarang kerusi. Berdasarkan prestasi dan keputusan undian telah menjelaskan bahawa penyertaan calon MCA dan Gerakan di kawasan yang memiliki bilangan tinggi pengundi Cina telah mengalami penolakan dan kekalahan yang begitu ketara. Barisan Nasional hanya berjaya memenangi satu kerusi yang memiliki bilangan tinggi pengundi Cina iaitu di DUN Chennah menerusi kemenangan calon MCA dengan majoriti sebanyak 1,298 undi.¹⁴ Situasi peralihan sokongan pengundi Cina dalam PRU-12 ini disebut sebagai “tsunami Cina” yang tidak hanya terjadi di Negeri Sembilan. Tetapi tsunami ini terjadi diseluruh Malaysia dengan mencatatkan prestasi MCA dan Gerakan yang mengalami banyak kekalahan dan kehilangan kerusi.¹⁵ Fenomena ini juga disebut sebagai *urban swing* iaitu ayunan atau peralihan sokongan kawasan-kawasan bandar diseluruh Malaysia yang memiliki majoriti pengundi Cina.¹⁶ Fenomena “tsunami Cina” atau *urban swing* yang berlaku pada PRU-12 ini mencatatkan trend pengundian majoriti pengundi bukan Melayu yang memihak dan memberikan undi kepada calon daripada DAP dan PKR.¹⁷

Jadual 2.5 Keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (2013) di Negeri Sembilan

| | DUN | Parlimen |
|------------------|-----|----------|
| UMNO | 21 | 5 |
| MCA | - | - |
| MIC | 1 | - |
| Gerakan | - | - |
| Barisan Nasional | 22 | 5 |
| DAP | 11 | 2 |
| PKR | 3 | 1 |
| PAS | - | - |

Sumber: Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-13

14 Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12.

15 Mohammad Agus Yusoff dan Muhammad Mashril, Pengaruh Aktor Campur Tangan Halus dalam Pru-14, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46 (2) Disember, 2019, hlm. 180.

16 Thock Ker Pong and Tan Yen Yee, Urban Tsunami dalam PRU ke-13: Analisis Pola Pengundian Masyarakat Cina Malaysia, *Journal of Chinese Literature and Culture*, Vol. 6, No. 1, June, 2018, hlm. 58.

17 Norhayati Mohd. Salleh, Pilihan Raya Umum Ke-12 (Pru-12): “Tsunami” Politik Melayu? *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 35, 2008, hlm. 52.

Defisit kepercayaan pengundi Cina yang dialami Barisan Nasional terus berlaku pada PRU-13. Gelombang peralihan sokongan orang Cina kepada parti pembangkang khususnya DAP telah bermula sejak PRU-12 dengan kejayaan parti tersebut menewaskan calon Barisan Nasional dikawasan majoriti pengundi Cina. Gelombang itu dikatakan lebih membinasakan parti komponen Barisan Nasional iaitu MCA dan Gerakan pada PRU-13.¹⁸ Secara keseluruhannya, kemenangan kerusi parlimen MCA pada PRU-12 yang memiliki 15 kerusi parlimen telah menurun kepada 7 kerusi parlimen pada PRU-13. Nasib buruk juga dialami Gerakan dengan hanya mencatatkan satu kemenangan kerusi parlimen pada PRU-13 dan prestasi tidak jauh berbeza berbanding PRU-12 iaitu mencatatkan kemenangan bagi 2 kerusi parlimen.¹⁹ Di Negeri Sembilan, calon MCA bagi kerusi parlimen Seremban dan Rasah telah tewas kepada calon DAP. Manakala calon MCA dan Gerakan tidak berjaya memenangi sebarang kerusi DUN pada PRU-13. Sementara itu MIC hanya berjaya memenangi 1 kerusi pada PRU-13 iaitu mempertahankan DUN Padang Jeram yang dimenangi pada pilihan raya lalu. DAP berjaya menguasai kerusi-kerusi DUN dan Parlimen yang memiliki jumlah tinggi pengundi Cina. Jumlah 10 kerusi DUN yang dimiliki pada pilihan raya sebelum ini berjaya ditambah pada PRU-13 dengan penambahan 1 kerusi iaitu DUN Chennah pada PRU-14. Hanya UMNO sebagai parti komponen parti Barisan Nasional mengalami peningkatan prestasi pada PRU-13. Berbanding PRU-12, UMNO berjaya memenangi semula kerusi DUN Ampangan dan Paroi dengan menjadikan jumlah keseluruhan kemenangan iaitu 21 kerusi DUN serta mempertahankan 5 kerusi parlimen pada PRU-13. Kemenangan UMNO bagi kerusi DUN ini memberi kesan kepada PKR dan PAS yang masing-masing kehilangan 1 kerusi DUN. Malah kekalahan PAS bagi kerusi DUN Paroi menyebabkan parti tersebut tidak memiliki wakil dalam Sidang DUN.²⁰ Secara keseluruhannya, Barisan Nasional berjaya mempertahankan kedudukan sebagai kerajaan Negeri Sembilan dengan kemenangan sebanyak 22 kerusi DUN pada PRU-13. Jumlah kemenangan kerusi Barisan Nasional adalah lebih banyak berbanding pilihan raya lepas tetapi bilangan kerusi tersebut hanya berjaya disumbangkan oleh parti UMNO dan MIC.

Berdasarkan konteks perbincangan yang menumpukan perhatian sejak PRU-11 hingga PRU-13 menunjukkan bahawa UMNO memiliki kekuatan di Negeri Sembilan terutama dikawasan pengundi Melayu. UMNO menguasai kerusi dikawasan majoriti pengundi Melayu berbanding PKR dan PAS yang menghadapi cabaran dalam menembusi kekuatan UMNO. Namun begitu, penurunan kerusi Barisan Nasional yang suatu masa dahulu pernah menguasai majoriti 2/3 dalam Dewan Undangan Negeri ini adalah berikutan kegagalan parti komponen terutamanya MCA dan Gerakan mendapatkan sokongan pengundi Cina. Kemerosotan MCA dan Gerakan yang mengalami defisit kepercayaan pengundi Cina telah mempengaruhi kesukaran Barisan Nasional untuk kembali memperoleh kedudukan majoriti 2/3 dalam DUN Negeri Sembilan seperti PRU-11. Sementara itu, DAP muncul sebagai parti kedua terkuat dengan memiliki bilangan kerusi DUN terbanyak selepas UMNO. Bermula dengan hanya memenangi 2 kerusi DUN pada PRU-11, DAP telah menguasai kerusi yang memiliki bilangan tinggi pengundi Cina dan kawasan bandar di Negeri Sembilan iaitu pada PRU-13 telah mencatatkan kemenangan bagi 11 kerusi DUN.

18 Thock Ker Pong and Tan Yen Yee, 2018, hlm. 58.

19 Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12 dan Pilihan Raya Umum ke-13.

20 Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-13.

Persaingan PRU-14 di Negeri Sembilan

Pilihan Raya Umum ke-14 yang diadakan pada tahun 2018 menyaksikan pertembungan melibatkan tiga gabungan parti utama iaitu Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Gagasan Sejahtera. Walau bagaimanapun pertembungan secara keseluruhan lebih tertumpu kepada Barisan Nasional dan Pakatan Harapan. Barisan Nasional yang selama ini menguasai tampuk pentadbiran kerajaan Pusat telah menghadapi persaingan hebat. Sebagai sebuah parti pemerintah bagi penggal sebelumnya iaitu diperingkat Persekutuan dan kerajaan Negeri Sembilan. Barisan Nasional menjadi perhatian utama dalam memperlihat bagaimana pendekatan parti tersebut mempertahankan kedudukan kuasa yang selama ini menguasai dua peringkat kerajaan ini. Meskipun Barisan Nasional berjaya mengekalkan kuasa pentadbiran di Negeri Sembilan pada PRU-13 dengan mencatatkan jumlah 22 kerusi DUN.

Kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 tidak dapat meletakkan kedudukan Barisan Nasional Negeri Sembilan berada dalam keadaan selesa dan terlindung daripada isu politik diperingkat nasional. Menjelang PRU-14, Barisan Nasional benar-benar menghadapi cabaran daripada gabungan parti pembangkang yang menggunakan skandal 1MDB dan salah tadbir urus negara sebagai isu utama dalam kempen pilihan raya.²¹ Pakatan Harapan telah menggunakan isu berkenaan dengan memberi pendedahan kepada rakyat mengenai penglibatan Najib Razak dalam aktiviti salah laku “penggelapan wang” (*money laundering*) dana 1MDB. Isu ini sememangnya dianggap sebagai skandal politik terbesar di Malaysia dan mendapat perhatian meluas dengan liputan antarabangsa berikutan penglibatan beberapa syarikat besar daripada Arab Saudi, China serta kehilangan dana 1MDB di Switzerland dan Amerika Syarikat. Malah serangan mengenai isu skandal 1MDB dan salah tadbir urus negara telah dilancarkan lebih awal dari kempen PRU-14 iaitu sejak tahun 2015 lagi.²²

Seterusnya, bebanan sara hidup dan peningkatan harga barangan keperluan merupakan isu yang banyak dimainkan parti pembangkang dalam menyerang rejim pentadbiran Barisan Nasional. Tindakan Barisan Nasional memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), peningkatan harga barangan keperluan, harga petrol kenderaan dan harga tol lebuh raya merupakan antara isu yang dibangkitkan gabungan parti pembangkang dalam mendapatkan sokongan rakyat yang merasakan kesan itu. Pakatan Harapan berusaha menyerang pemerintah dengan menggunakan isu yang dekat dengan rakyat dan meliputi semua golongan termasuk membangkitkan isu golongan belia yang menghadapi kesukaran tanggungan hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang membebankan.²³ Dua isu yang dibangkitkan Pakatan Harapan ini disifatkan memberi kelebihan kepada gabungan parti pembangkang itu dalam membina sentimen rakyat untuk menolak kepimpinan Najib Razak dan Barisan Nasional. Malah, Pakatan Harapan disifatkan memiliki potensi untuk memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 yang diperkuatkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia ke-4 yang juga bekas Presiden UMNO iaitu Dr. Mahathir Mohamad. Selain itu, UMNO turut

21 Asmadi Hassan, Rohayati Paidi dan Muhammad Danial Azman, Jepun Vs Malaysia: Strategi Kempen Pilihan Raya Umum 2017 Dan 2018, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46 (1), 2019, hlm. 178.

22 Muhammad Ariff Asyurul Adnan dan Sity Daud, Manifesto Barisan Nasional dan Kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45 (2), 2018, hlm. 353.

23 Jepun VS Malaysia: Strategi Kempen Pilihan Raya Umum 2017 dan 2018, hlm. 178.

menghadapi cabaran dalam menghadapi perpecahan parti berikutan penyingkiran pemimpin utama seperti Muhyiddin Yassin, Shafie Apdal dan Mukhriz Mahathir.²⁴

Bekas pemimpin UMNO yang telah dipecat dari parti ini telah menubuhkan parti baru dan diantara parti tersebut ialah Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan parti Warisan Sabah yang telah bersama parti pembangkang lain menentang rejim pentadbiran Barisan Nasional. Parti PPBM terutamanya dilihat dalam konteks politik di Semenanjung mampu muncul menawarkan alternatif selain daripada UMNO sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan politik Melayu.²⁵ Penglibatan bekas pemimpin utama UMNO yang disingkirkan bersama ketokohan Tun Mahathir dalam parti ini seterusnya memberikan nilai tambah kepada gabungan parti Pakatan Harapan. Pengaruh beliau pada masa itu telah memberikan kekuatan dan mempengaruhi sokongan orang Melayu kepada Pakatan Harapan yang merupakan gabungan politik terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM).²⁶

Situasi politik yang berlaku di Malaysia menjelang PRU-14 ini dilihat seakan memberikan kelebihan kepada gabungan parti pembangkang untuk memberikan tekanan dan persaingan kepada rejim pentadbiran Barisan Nasional yang sudah mengalami kemerosotan sejak PRU-12 lagi.²⁷ Justeru itu, situasi politik diperingkat nasional juga dilihat mampu memberikan kesan kepada kedudukan pentadbiran Barisan Nasional di negeri-negeri lain termasuk Negeri Sembilan. Meskipun pentadbiran Negeri Sembilan di bawah Barisan Nasional dapat disifatkan memiliki dasar perancangan dan prestasi pembangunan ekonomi yang baik seperti telah dibincangkan. Tetapi prestasi pembangunan ekonomi tersebut sebenarnya tidak dapat menjamin kedudukan Barisan Nasional di Negeri Sembilan. Walaupun UMNO mampu mengekalkan penguasaan dikerusi majoriti pengundi Melayu dan membentuk majoriti mudah. Namun begitu sentimen pengundi pada PRU-14 adalah berbeza dengan memperlihatkan kekuatan Pakatan Harapan yang bukan sahaja dalam mengangkat isu dalam kempen pilihan raya, tetapi Pakatan Harapan yang baru dibentuk pada tahun 2015 memiliki kekuatan daripada gabungan parti yang disifatkan memenuhi ideologi politik dan kepentingan politik bagi setiap kaum serta golongan lapisan rakyat Malaysia.²⁸

Manifesto Barisan Nasional di Peringkat Nasional

Manifesto merupakan perincian mengenai dasar pentadbiran, program dan ideologi yang diperjuangkan serta ditawarkan dalam menarik sokongan pengundi. Berdasarkan situasi ini, manifesto yang ditawarkan Barisan Nasional menjadi perhatian bagi menilai apakah program yang ditawarkan dalam mendapatkan sokongan rakyat. Seterusnya mengekalkan kuasa sebagai

24 MT UMNO Pecat Muhyiddin, Mukhriz; Gantung Shafie, Berita Harian, 24 Jun 2016.

25 Junaidi Awang Besar, Prestasi UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14, *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, Vol. 6 Issue 24, Jun, 2021, hlm. 50-51.

26 Asmadi Hassan, Rohayati Paidi dan Muhammad Danial Azman, 2019, hlm. 174.

27 Muhamad Nadzri dan Jamaie Hj. Hamil, Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45, (2) December, 2018, hlm. 395.

28 Muhamad Nadzri dan Jamaie Hj. Hamil, 2018, hlm. 396.

kerajaan daripada cabaran yang diberikan parti lawan.²⁹ Juga penting untuk menilai apakah hala tuju dasar yang mahu dibawa dalam pentadbiran iaitu sama ada meneruskan dasar sedia ada dalam pentadbiran sebelum atau mewujudkan dasar baru.

Manifesto Barisan Nasional telah dilancarkan pada 7 April 2018 di Axiata Arena Bukit Jalil secara besar-besarnya dengan kehadiran pemimpin-pemimpin gabungan utama parti. Dato' Seri Najib Razak sebagai Pengerusi Barisan Nasional mengumumkan sebuah manifesto bertemakan 'Bersama BN Hebatkan Negaraku'.³⁰ Manifesto ini menjelaskan dasar dan program yang ditawarkan dalam pentadbiran Barisan Nasional sekiranya diberikan mandat membentuk kerajaan Persekutuan. Tawaran yang terkandung dalam manifesto ini memiliki 14 teras utama bersama sebanyak 365 inisiatif yang disifatkan sebagai inklusif, komprehensif dan praktikal. 14 tawaran manifesto ini merangkumi tema melibatkan Utama Ibu dan Wanita, Kediaman 1 Negaraku, 3 Juta Kerja; Senyum Sabah dan Sarawak, Pengangkutan Futuristik, Perkasa Digital, Barangan Malaysia, BR1M Lebih Baharu, Dompot Rakyat, Pendidikan Sesuai Masa Depan, Hidup Sihat, Aman 1 Negaraku, TN50 dan Penjagaan Kanak-kanak Universal. Dikatakan bahawa manifesto ini merupakan pendekatan Barisan Nasional untuk membentuk dasar agihan ekonomi merangkumi semua kelas sosial rakyat berdasarkan pendapatan yang dibentuk berdasarkan B40, M40 dan T20. Pendekatan ini disebut berdasarkan prinsip pelaksanaan mekanisme ekonomi kepimpinan Dato' Seri Najib Razak iaitu *Najibnomics* yang berkisarkan soal ilmu (*knowledge*), inovasi (*innovation*) dan kebebasan (*freedom*).³¹ Selain itu, dasar pentadbiran beliau dan apa yang terkandung dalam manifesto ini juga menggambarkan pendekatan yang mahu membentuk pengagihan ekonomi lebih luas berdasarkan geografi. Dalam mempertahankan kuasa dan kedudukan sebagai Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak mengumumkan sebanyak 14 perkara yang menjadi teras tawaran dalam manifesto;

1. Ekonomi keperluan rakyat
2. Kemampanan dan kemakmuran ekonomi negara
3. Perumahan Keperluan Rakyat
4. Pemacu modal insan, kecemerlangan pendidikan
5. Keselamatan rakyat keutamaan kami
6. Membahagia dan menjayakan wanita negara
7. Generasi muda pewaris masa depan
8. Kesejahteraan warga emas dan kelainan upaya
9. Memperkukuhkan pembinaan negara bangsa
10. Mengutamakan kesejahteraan sosial dan kualiti hidup rakyat
11. Membina infrarakyat dan meningkatkan kesalinghubungan
12. Memperkukuhkan agenda bumiputera dan mempertahankan kesyumulan Islam
13. Tadbir urus yang baik dan penyertaan rakyat
14. Meraikan perbezaan merapatkan jurang.³²

29 Abdul Salim Bin Tajudin, Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepercayaan Pengundi Melayu Terhadap Barisan Nasional Di Wilayah Utara, Ghazali Shafie Graduate School of Government, Tesis Doktor Falsafah, 2018, hlm. 4.

30 Ucapan Pelancaran Manifesto BN, Berita Harian, 7 April 2018.

31 Muhammad Ariff Asyrul Adnan dan Sity Daud, 2018, hlm. 345-347.

32 Muhammad Ariff Asyrul Adnan dan Sity Daud, 2018, hlm. 347.

Manifesto ini memperlihatkan pendekatan Dato' Seri Mohd Najib Razak yang meneruskan dasar pentadbiran dan program yang telah direncanakan dalam pentadbirannya sebelum ini. Ia melibatkan rancangan jangka masa panjang berlandaskan pelan yang dirangka melalui Rancangan Malaysia ke-11 dan Transformasi Nasional 2050 (TN50). Kedua pelan ini meletakkan matlamat melahirkan negara berpendapatan tinggi dan pembangunan komprehensif melalui pembangunan ekonomi berdasarkan sokongan infrastruktur yang berimpak tinggi.³³ Justeru itu, manifesto Barisan Nasional dalam PRU-14 ini menterjemahkan matlamat tersebut iaitu “membina Ekonomi Mapan, Dinamik dan Inovatif” dalam memacu tranformasi ekonomi negara sesuai dengan matlamat menyediakan peluang kemakmuran ekonomi dan pekerjaan berpendapatan tinggi.³⁴

Transformasi ekonomi ini pula dapat disokong melalui satu lagi perancangan Barisan Nasional yang terkandung dalam manifesto iaitu “Pembangunan Infrastruktur Bertaraf Dunia dan Tranformasi Luar Bandar. Perkara ini menggariskan inisiatif untuk menyediakan infrastruktur berimpak tinggi seperti mempertingkatkan kualiti perhubungan dan pengangkutan yang berimpak tinggi.³⁵ Antara infrastruktur yang dirancang ialah memperluaskan jaringan Sistem Aliran Transit Ringan (LRT) fasa 3 dan Sistem Aliran Transit Massa (MRT), pembinaan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR), Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL), lebuhraya Laluan Lingkaran Tengah, membina serta menaiktaraf lapangan terbang dan pelabuhan.³⁶ Inisiatif terhadap pembangunan infrastruktur ini bertujuan menyokong pembangunan ekonomi melalui pelaburan asing dan pelancongan. Seterusnya memperluaskan pelaburan dengan menyediakan peluang kemakmuran ekonomi ke seluruh negara.³⁷

Penerusan dasar dan program yang telah direncanakan dalam pentadbiran Najib Razak sebelum ini juga dapat dilihat melalui pemberian skim Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M). Pemberian subsidi dalam bentuk wang kepada kumpulan sasar tertentu merupakan antara usaha Barisan Nasional menangani peningkatan kos sara hidup melalui teras ‘Ekonomi Keperluan Rakyat’ yang digariskan dalam manifesto. Skim bantuan yang diperkenalkan sejak tahun 2012 ini diteruskan dengan menambahbaik pemberian BR1M.³⁸ Terdapat kebaikan dari satu sudut iaitu mengelak penyelewengan dan pembaziran dalam skala besar melibatkan pemberian subsidi bukan berbentuk wang seperti subsidi tenaga dan makanan. Pendekatan tersebut merupakan bantuan sosial bagi rakyat Malaysia yang dibentuk sebagai antara mekanisme dalam pengagihan kekayaan negara.³⁹ Walau bagaimanapun pelaksanaan pemberian bantuan kewangan ini juga mendapat pandangan negatif dan kritikan. Dasar ini juga disarankan untuk mengambil pendekatan berhati-hati supaya mengelak daripada mewujudkan amalan kebergantungan dan mendapatkan habuan.⁴⁰ Juga terdapat kritikan parti

33 Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-14, hlm. 3.

34 Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-14, hlm. 38.

35 Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-14, hlm. 172.

36 Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-14, hlm 172-179.

37 Siti Noranizahhafizah Boyman dan Jayum A. Jawan, Manifesto Parti Politik Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan, *Jurnal Perspektif*, Jil. 14 Bil. 2, 2020, hlm. 53.

38 Muhammad Ariff Asyrul Adnan dan Sity Daud, 2018, hlm. 350.

39 Muhammad Ariff Asyrul Adnan dan Sity Daud, 2018, hlm. 352.

40 Steven Wong, Menilai Manifesto Barisan Nasional, 12 April 2013, (www.astroawani.com, diakses pada 18 Julai 2023).

pemimpin parti pembangkang. Rafizi Ramli selaku pemimpin PKR mengkritik pendekatan Barisan Nasional meneruskan pemberian BR1M sejak dari awal pelaksanaannya. Kritikan ditimbulkan kerana Barisan Nasional didakwa hanya membentuk kebergantungan kepada bentuk pemberian wang yang diharapkan dapat mengurangkan beban rakyat. Tetapi dalam masa sama tidak mengemukakan sebarang cadangan untuk menurunkan harga barang daripada meningkat. Rafizi menyifatkan bahawa pemberian insentif seperti ini akan membebaskan kerajaan kerana melibatkan jumlah belanja besar tanpa mengubah struktur ekonomi ke arah lebih baik. Malah lebih menimbulkan kritikan kerana BR1M disebut sebagai modal sandaran bagi kempen politik Barisan Nasional bersifat populis.⁴¹

Secara umumnya, manifesto Barisan Nasional dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ini dirangka merangkumi semua segmen yang menyentuh golongan muda, wanita, kumpulan isi rumah berpendapatan rendah, pertengahan, golongan warga emas dan veteran.⁴² Biar pun Barisan Nasional disifatkan menawarkan manifesto dan dasar pembangunan bersifat populis dalam menarik sokongan pengundi.⁴³ Akan tetapi manifesto ini secara rasionalnya memberi kelebihan dengan memaparkan kejayaan sepanjang tempoh pentadbiran negara. Prestasi sepanjang pentadbiran ini membentuk retrospektif untuk difokuskan bertujuan mendapat keyakinan dan undi rakyat Malaysia.⁴⁴

Manifesto Peringkat Negeri Sembilan

Pelancaran manifesto Barisan Nasional bertemakan “Bersama BN Hebatkan Negaraku” dijadikan sandaran dalam menghadapi keseluruhan kempen Pilihan Raya Umum ke-14. Juga merupakan intipati dasar yang ditawarkan sekiranya menerima mandat membentuk kerajaan Persekutuan. Sudah pasti usaha memenangi pilihan raya ini juga melibatkan kedudukan diperingkat Persekutuan dan negeri. Hubungan kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri adalah penting dalam mewujudkan keselarasan dasar dan pembangunan yang seiring. Menjadi satu kepentingan untuk sesebuah parti dapat memenangi dan membentuk kerajaan bagi peringkat Persekutuan dan negeri. Justeru itu, manifesto diperingkat negeri-negeri juga dirangka dalam menawarkan dasar dan program dalam pentadbiran bidang kuasa kerajaan negeri serta menguruskan isu yang terdapat diperingkat negeri.

Barisan Nasional Negeri Sembilan yang diketuai Mohamad Hasan⁴⁵ meletakkan matlamat untuk terus kekal memegang kuasa pentadbiran negeri. Pilihan raya sebelum ini yang diadakan pada tahun 2013 mencatatkan kemenangan Barisan Nasional dengan memenangi sebanyak 22 kerusi daripada 36 kerusi DUN.⁴⁶ Dalam usaha mengekalkan kedudukan sebagai kerajaan negeri, Barisan Nasional Negeri Sembilan telah melancarkan manifesto peringkat negeri iaitu bertemakan “Bukti Bukan Sekadar Janji” yang menetapkan matlamat “Ke Arah Negeri Sembilan Moden”. Manifesto ini menyentuh sebanyak 18 kluster yang dikhususkan

41 Rafizi Ramli, *Maklumbalas Dan Analisa Manifesto Barisan Nasional*, 8 April 2013 (www.Rafiziramli.com, diakses pada 18 Julai 2023)

42 Siti Noranizahhafizah Boyman dan Jayum A. Jawan, 2002, hlm. 45.

43 Muhammad Ariff Asyurul Adnan dan Sity Daud, 2018, hlm. 343.

44 Siti Noranizahhafizah Boyman dan Jayum A. Jawan, 2002, hlm. 46.

45 Dato' Seri Utama

46 Data Terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-13.

dalam pentadbiran negeri dengan memfokuskan kepada dua teras.⁴⁷ Pertama, kemakmuran ekonomi iaitu memastikan ekonomi Negeri Sembilan berkembang maju untuk pembangunan negeri yang seimbang. Kedua, mensejahterakan rakyat iaitu memastikan seluruh rakyat hidup aman, makmur, sentosa, damai, bahagia, selesa dan selamat.⁴⁸ Dalam usaha mencapai kesejahteraan rakyat, manifesto telah menggariskan skim melibatkan 5 perkara iaitu Bayi dan Kanak-kanak, Usahawan dan Belia, Pemilik Tanah dan Rumah, Siswa dan Siswazah, Wanita dan Kesejahteraan Umum.⁴⁹

Bayi dan Kanak-kanak

- Tambah caruman Skin Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50)
- Penyediaan pusat asuhan kanak-kanak di agensi kerajaan
- Sumbangan caruman insurans tabika kerajaan

Usahawan dan Belia

- Meneruskan pemberian lesen pejaja secara percuma
- Bantuan khas RM550 kepada rakyat Negeri Sembilan yang memulakan keluarga (pengantin baru)

Pemilik Tanah dan Rumah

- Cukai tanah dan cukai pintu individu tidak akan naik dalam tempoh 5 tahun

Siswa dan Siswazah

- Bantuan khas untuk anak Negeri Sembilan yang melanjutkan pengajian ke IPT RM1,000 bagi peringkat sarjana muda dan RM500 bagi peringkat diploma
- Insentif *Pocket WiFi* bagi siswa Negeri Sembilan
- Imbuan kepada siswazah kelas pertama

Wanita

- Pemeriksaan *Pap Smear* dan Mammogram

Kesejahteraan Umum

- Pusat dialisis rakyat dengan harga murah
- Rebat bil air bagi semua rumah ibadat berdaftar
- Perkhidmatan *shuttle* pecuma ke kawasan tumpuan seperti hospital, pasar dan UTC
- Bantuan khairat kematian RM1,000 bagi setiap warga Negeri Sembilan

Manifesto Barisan Nasional Negeri Sembilan digaris berdasarkan kemampuan kewangan negeri. Maka menjadikan manifesto ini bersifat mantap, praktikal dan boleh dicapai.⁵⁰ Secara umumnya, manifesto Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum ke-14 ini meneruskan perancangan dan skim berdasarkan dasar sedia ada dalam pentadbiran Barisan Nasional sebelum ini. Dapat dinilai bahawa tiada sebarang skim atau program yang menjurus ke arah sebuah perancangan baru. Perkara demikian dijelaskan oleh Hj. Mohamad Hasan yang menyifatkan dasar sedia ada dalam pentadbiran negeri sudah mencukupi dan lengkap.

47 Manifesto Barisan Nasional Negeri Sembilan Pilihan Raya Umum ke-14.

48 Dua Teras Tumpu Kebajikan Rakyat, Pembangunan, Harian Metro, 8 Mei 2018.

49 Manifesto Barisan Nasional Negeri Sembilan Pilihan Raya Umum ke-14.

50 Dua Teras Tumpu Kebajikan Rakyat, Pembangunan, Harian Metro, 8 Mei 2018.

Barisan Nasional tidak bercadang memperkenalkan sebarang dasar baharu sekiranya diberikan mandat membentuk kerajaan. Disebut bahawa Barisan Nasional telah membina sebuah dasar perancangan jelas melibatkan dasar jaringan keselamatan sosial yang merupakan dasar asas dalam membangunkan masyarakat. Barisan Nasional menetapkan matlamat meneruskan dan menambahbaik perancangan sedia ini yang juga melibatkan dasar-dasar lain antaranya seperti perumahan, lembah ilmu dan pembangunan luar bandar dalam manifesto. Justeru itu, usaha menambahbaik ini dapat dilihat berdasarkan skim yang telah digariskan dalam manifesto ini selaras dengan usaha mencapai dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.⁵¹

Mohamad Hasan menetapkan matlamat dengan berkata “Kita akan terus dengan matlamat kita untuk memakmurkan negeri ini, mensejahterakan rakyatnya dengan bukti bukan sekadar janji”.⁵² Begitu juga melibatkan kemakmuran negeri yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional iaitu merupakan perancangan yang memfokuskan kepada pembangunan ekonomi dan pemodenan negeri. Perancangan kemakmuran dalam manifesto Barisan Nasional memfokuskan ke arah matlamat Dasar Negeri Sembilan Maju 2045.⁵³ Dalam mencapai matlamat itu, Barisan Nasional menawarkan tawaran baru dalam manifesto untuk membina beberapa jajaran lebuhraya seperti Lebuhraya Seremban-Serting bagi mengatasi masalah kesesakan trafik disekitar Bukit Putus. Selain itu, mewujudkan pelaburan berteknologi tinggi untuk membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.⁵⁴

Seterusnya, kepimpinan Barisan Nasional Negeri Sembilan menyambut baik perancangan dasar dan inisiatif yang ditawarkan Barisan Nasional melalui manifesto nasional. Manifesto Barisan Nasional peringkat nasional yang dibentuk berdasarkan Rancangan Malaysia ke-11 dan Transformasi Nasional 2050 (TN50) menawarkan manfaat kepada pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan.⁵⁵ Melalui “Kemampuan dan Kemakmuran Ekonomi Negara” perkara yang terkandung dalam manifesto nasional ini menggariskan inisiatif untuk mempercepatkan pembangunan kawasan seluas 150 ribu hektar iaitu merupakan pembangunan ekonomi *Malaysian Vision Valley* (MVV) di Negeri Sembilan.⁵⁶ MVV merupakan kawasan pembangunan strategik berimpak tinggi di Negeri Sembilan melibatkan daerah Seremban dan daerah Port Dickson. Dato’ Seri Najib Razak mengangkat MVV sebagai perancangan utama kerajaan Pusat di Negeri Sembilan. Komitmen tersebut dijelaskan menerusi ucapannya, “Untuk orang Negeri Sembilan pula, saya beri komitmen bahawa Malaysia Vision Valley akan diperhebatkan sebagai projek ikonik”.⁵⁷ Kerajaan Barisan Nasional dalam pentadbiran Negeri Sembilan sebelum ini telah memulakan perancangan pembangunan MVV yang dimasukkan dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 iaitu melibatkan perancangan jangka masa panjang. Inisiatif tersebut berusaha memperluaskan pembangunan ekonomi dengan mengalihkan tumpuan pelaburan dan penduduk yang tertumpu disekitar Lembah Klang.⁵⁸ MVV diangkat dalam manifesto sebagai komitmen dalam melaksanakan

51 Kerajaan Negeri Sembilan Tidak Perkenal Dasar Baharu Tahun Ini, Bernama, 9 Januari 2018.

52 Makmurkan Negeri, Sejahterakan Rakyat Janji Manifesto BN Negeri Sembilan, Bernama, 21 April 2018.

53 Kerajaan Negeri Sembilan Tidak Perkenal Dasar Baharu Tahun Ini, Bernama, 9 Januari 2018.

54 Makmurkan Negeri, Sejahterakan Rakyat Janji Manifesto BN Negeri Sembilan, Bernama, 21 April 2018.

55 Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-14, hlm. 3.

56 Ucapan Pelancaran Manifesto BN, Berita Harian, 7 April 2018.

57 BN Manifesto: PM Datuk Seri Najib Razak’s Full Speech, New Straits Times, 7 April 2018.

58 Lembah Wawasan, Berita Harian, 22 Mei 2018.

projek yang dijangka memberikan impak besar kepada pembangunan ekonomi dan ditonjolkan sebagai perancangan hala tuju Barisan Nasional dalam pentadbiran negeri.

Inisiatif Barisan Nasional melalui manifesto nasional turut memberi manfaat kepada Negeri Sembilan. Hal demikian menyentuh kepada perkara “Membina infrarakyat dan meningkatkan kesalinghubungan”. Barisan Nasional menjelaskan inisiatif untuk membina projek infrastruktur berimpak tinggi diseluruh negara yang dirancang untuk menyediakan, menyokong dan menghubungkan pertumbuhan ekonomi menyeluruh serta memberi kesejahteraan kepada rakyat.⁵⁹ Barisan Nasional merancang membina lebuh raya Laluan Lingkaran Tengah yang menghubungkan Kelantan, Pahang dan Negeri Sembilan. Perancangan projek ini bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memacu pertumbuhan ekonomi baru iaitu Koridor Ekonomi Pantai Timur. Seterusnya, Negeri Sembilan juga menerima manfaat daripada dasar pentadbiran Barisan Nasional yang merancang melaksanakan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura *Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail* (HSR). Projek kereta api berkelajuan tinggi yang menghubungkan Kuala Lumpur, Malaysia dan Singapura dapat memberi manfaat kepada kedua negara melalui integrasi ekonomi lebih besar terutamanya melibatkan mobiliti buruh dan perkhidmatan rentas sempadan. kedua-dua negara akan mendapat manfaat melalui integrasi ekonomi yang lebih besar, terutamanya dari segi mobiliti buruh dan perkhidmatan rentas sempadan.⁶⁰ Cadangan HSR disambut baik oleh kerajaan Negeri Sembilan berdasarkan impak infrastruktur pengangkutan tersebut dalam menyokong pembangunan MVV melibatkan pertumbuhan ekonomi sebagaimana yang dirancang oleh kerajaan negeri.

Manfaat yang diterima Negeri Sembilan ini mendorong sokongan penuh kepimpinan Dato’ Seri Mohamad Hasan kepada dasar pentadbiran Barisan Nasional peringkat Pusat yang dipimpin Dato’ Seri Najib Razak. Dapat disimpulkan secara keseluruhan bahawa manifesto Barisan Nasional diperingkat Negeri Sembilan menyambut baik dasar dan inisiatif yang dirangka dalam manifesto Barisan Nasional Pusat. Malah terdapat perancangan dan kerjasama melibatkan kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang diperintah Barisan Nasional dalam dasar pembangunan ekonomi dan pelaburan. Kepentingan daripada manifesto tersebut dan keselarasan dasar dengan kerajaan Persekutuan mahu diperluaskan akan manfaatnya ke dalam pembangunan Negeri Sembilan. Manifesto ini dari sudut lain pula menterjemahkan dasar Barisan Nasional dalam memperkukuhkan dan melaksanakan perancangan sebagaimana yang telah dirangka dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Manifesto Pakatan Harapan Peringkat Nasional

Pakatan Harapan telah menjadikan isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa tadbir urus negara dalam pentadbiran Barisan Nasional sebagai naratif politik sepanjang kempen Pilihan Raya Umum ke-14. Naratif tersebut juga diberi penekanan dalam manifesto pilihan raya dengan menyebut bahawa masalah penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang berleluasa

59 Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-14, hlm. 171.

60 Hutchinson Francis, *The Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail: Costs, Contracts, and Complication, Perspective*, *Yusof Ishak Institute, Researchers at ISEAS – Yusof Ishak Institute Share Their Understanding of Current Events*. Issue 2016, No. 7, 7 February 2016, hlm. 3.

terutamanya melibatkan skandal IMDB serta kemewahan melampau pemimpin Barisan Nasional telah memberi kesan kepada tadbir urus negara.⁶¹ Rakyat Malaysia telah dinafikan daripada menerima kemakmuran ekonomi dan keadilan sosial yang diketepikan dengan kewujudan monopoli dan kronisme melampau dalam negara ini. Kesalahan tadbir urus negara menyebabkan rakyat Malaysia perlu menanggung beban kenaikan kos sara hidup tinggi, dihambat dengan pelaksanaan cukai GST dan menanggung hutang negara yang semakin tinggi. Justeru itu, Pakatan Harapan mengangkat prinsip pentadbiran berdasarkan tadbir urus yang baik, inklusif dan progresif dalam memandu program pembangunan negara.⁶²

Dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 yang mengangkat matlamat perjuangan utama iaitu menentang hegemoni pentadbiran Barisan Nasional. Pakatan Harapan telah memperkenalkan manifesto pilihanraya bertemakan “Membina Negara dan Memenuhi Harapan” dalam memulihkan serta mengangkat kembali martabat Malaysia. Manifesto ini menawarkan lima teras utama bersama 60 janji yang diperincikan kepada rakyat Malaysia.⁶³ Lima teras janji Pakatan Harapan ialah;

1. Meringankan bebanan kehidupan rakyat
2. Mereformasi intitusi pentadbiran dan politik
3. Merancang pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama
4. Mengembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan Perjanjian Malaysia 1963
5. Membina Malaysia yang inklusif, moderat dan gemilang di persada dunia⁶⁴

Bersama manifesto ini turut menawarkan 10 janji untuk dilaksana dalam tempoh 100 hari yang boleh dianggap sesuatu berbeza berbanding manifesto yang ditawarkan gabungan parti politik lain seperti Barisan Nasional dan Gagasan Sejahtera. Tujuh daripada 10 tawaran janji ini adalah melibatkan tumpuan kepada janji melibatkan usaha mengurangkan bebanan rakyat termasuk bebanan yang ditanggung peneroka FELDA.⁶⁵ Manifesto Pakatan Harapan juga dirangka dengan mengambil perhatian menawarkan janji kepada kumpulan bersasar melibatkan Lima Iltizam Khas kepada warga FELDA, masyarakat kaum India golongan wanita, golongan anak muda dan warga emas. Berdasarkan tawaran tersebut, Pakatan Harapan disebut berusaha mempengaruhi sokongan golongan belia terutamanya bawah 40 tahun yang merupakan golongan terbesar. Selain itu, Pakatan Harapan berusaha menarik sokongan golongan wanita yang selama ini banyak memberikan sokongn kepada Barisan Nasional. Langkah Pakatan Harapan menawarkan janji yang menyentuh kepada golongan bersasar ini dianggap sebagai pendekatan populis mendapatkan undi tetapi memiliki unsur politik strategik.⁶⁶

Manifesto Pakatan Harapan dirangka melibatkan penyertaan kumpulan pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam pelbagai bidang.

61 Mohammad Agus Yusoff dan Muhammad Mashril Abdul Jalil, 2019, hlm. 186.

62 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm 10.

63 Tiada yang terpinggir dalam Manifesto HARAPAN, Portal Raketkini, 12 Mac 2018. (Diakses pada 7 Ogos 2023)

64 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm. 12.

65 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm 13.

66 Dipetik daripada kenyataan Dr. Dr Mazlan Ali, penganalisis politik Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sila lihat, Zaim Ibrahim, Manifesto PH populis tetapi strategik – Penganalisis, Portal Astro Awani, 9 Mac 2018. (Diakses pada 10 Ogos 2023).

Kenyataan tersebut dijelaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Manifesto Pakatan Harapan iaitu Dr. Rais Hussin dalam menolak kritikan parti lawan terutamanya kritikan dari segi realistik untuk memenuhi janji yang ditawarkan.⁶⁷ Pakatan Harapan menawarkan kedudukan sebagai pilihan alternatif menggantikan pentadbiran Barisan Nasional. Sekiranya diberikan mandat membentuk kerajaan Pusat, Pakatan Harapan menetapkan falsafah pentadbiran iaitu berdasarkan falsafah dan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, meneruskan visi pemimpin terdahulu yang meletakkan kedudukan Malaysia berada ditahap cemerlang, agenda reformasi berterusan bersama idea-idea pembangunan yang progresif dan demokratik bersesuaian dengan realiti tempoh kini dan mendepani cabaran-cabaran mendatang. Tawaran janji dalam manifesto ini memandu program pembangunan negara yang dirangka berlandaskan *Maqasid Syari'ah* iaitu matlamat Syari'ah yang lebih tinggi yang memberikan rahmat dan keadilan buat seluruh rakyat Malaysia.⁶⁸

Tawaran meringankan beban kehidupan rakyat merupakan janji utama Pakatan Harapan dengan menggariskan perkara tersebut sebagai teras pertama dalam manifesto. Sebelum menggariskan tawaran janji, manifesto ini memberi penekanan kepada dasar pentadbiran dan amalan kelemahan tadbir urus dalam pentadbiran Barisan Nasional yang telah memberi kesan rakyat. Rakyat terpaksa menanggung bebanan kos sara hidup daripada pelaksanaan cukai GST berikutan kegagalan kerajaan menguruskan ekonomi negara secara baik. Kegagalan kerajaan di bawah pentadbiran Barisan Nasional juga disebut menyebabkan paras gaji rakyat Malaysia berada ditahap rendah sehingga jurang pendapatan melebar, kenaikan harga barangan asas, kenaikan harga minyak dan tol. Bebanan kos sara hidup yang tinggi turut memberi kesukaran kepada golongan belia dalam memulakan kehidupan mendapatkan peluang pekerjaan, memiliki rumah dan perlu menanggung beban hutang PTPTN.⁶⁹ Pakatan Harapan telah memberi penekanan berkaitan masalah dan kesukaran rakyat dalam menghadapi bebanan kos sara hidup. Justeru itu Pakatan Harapan melalui manifesto pilihan raya telah menawarkan sebanyak sepuluh janji dalam meringankan bebanan kehidupan rakyat. Berikut merupakan antara janji yang ditawarkan ialah menghapuskan GST, menyalurkan subsidi minyak kepada kumpulan bersasar, meningkatkan serta menyamaratakan gaji minimum seluruh negara dan penanguhan serta menyediakan struktur pembayaran PTPTN yang tidak membebaskan.⁷⁰ Malah tawaran tersebut merupakan sebahagian daripada sepuluh janji dalam 100 hari yang ditawarkan dalam manifesto. Lantas menunjukkan komitmen Pakatan Harapan berusaha mengurangkan bebanan kehidupan rakyat dalam tempoh tidak lama iaitu hanya 100 hari.

Reformasi institut pentadbiran dan politik juga merupakan antara tawaran utama Pakatan Harapan menerusi manifesto yang juga terkandung dalam sepuluh janji 100 hari. Melalui sepuluh janji ini, Pakatan Harapan berjanji menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyasat penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kelemahan tadbir urus agensi kerajaan melibatkan 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji. Perkara ini sememangnya merupakan isu utama yang diangkat ketika tempoh pentadbiran Barisan Nasional dan sepanjang kempen pilihan raya. Terutama sekali kes penyelewengan dana wang milik 1MDB

67 Temu bual bersama Pengerusi Jawatankuasa Manifesto PH, Dr Rais Hussin. Sila lihat, *Beri Peluang Kerajaan Penuhi Manifesto*, Berita Harian, Ogos 17, 2018.

68 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm 10.

69 Asmadi Hassan, Rohayati Paidi dan Muhammad Danial Azman, 2019, hlm. 180.

70 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm 13.

berjumlah RM2.6 bilion iaitu merupakan tuduhan skandal terbesar melibatkan Dato' Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kes 1MDB dianggap sebagai ibu segala skandal yang membangkitkan kesangsian dan juga tidak kurang menimbulkan kebencian rakyat untuk menolak kepimpinan Najib Razak dan Barisan Nasional.⁷¹ Reformasi institut pentadbiran dan politik menggariskan sebanyak 19 janji iaitu merangkumi perincian yang paling banyak ditawarkan dalam lima teras manifesto. Dapat disifatkan bahawa Pakatan Harapan begitu menitikberatkan soal tadbir urus baik dan usaha memulihkan negara daripada penyalahgunaan kuasa serta penyeleweng yang selama ini mengetepikan kepentingan rakyat. Melalui usaha memulihkan kembali kredibiliti pentadbiran negara ini mampu meningkatkan kepercayaan pelabur asing dalam memilih Malaysia sebagai lokasi pelaburan. Antara reformasi yang ditawarkan dalam manifesto ini adalah menghadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri dan menstruktur semula Jabatan Perdana Menteri.⁷²

Seterusnya, mereformasikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan memperkasa usaha membanteras rasuah. Dua janji reformasi dalam pentadbiran ini penting bertujuan menghalang hegemoni Perdana Menteri daripada mengawal serta melakukan cengkaman kuasa ke atas agensi penting kerajaan terutamanya dalam kuasa kewangan SPRM. Usaha ini diperkuatkan melalui tawaran janji ke-15 iaitu memisahkan Pejabat Pendakwa Raya Negara daripada Pejabat Peguam Negara. Reformasi yang dibawa Pakatan Harapan ini mengenal pasti punca yang membawa kepada berakarnya amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Hal demikian juga merujuk kepada janji untuk mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti bertujuan menghalang kecenderungan sesebuah parti politik mendapatkan dana daripada sumber yang menyalahi undang-undang. Reformasi turut melibatkan usaha menghapuskan undang-undang zalim yang selama ini digunakan bagi mencengkam penguasaan rejim Barisan nasional melalui cara melemahkan kedudukan parti lawan yang membelakangi keadilan undang-undang.⁷³

Pakatan Harapan memasukkan tawaran pembangunan ekonomi dalam manifesto melalui teras ketiga. Teras tersebut ialah, merancak pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama. Sebanyak sepuluh tawaran berkait yang menyentuh mengenai program pembangunan ekonomi kepada rakyat Malaysia sekiranya Pakatan harapan diberikan mandat untuk membentuk kerajaan Persekutuan. Disebutkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia sedang mengalami penurunan. Dasar pembangunan ekonomi di bawah pentadbiran Barisan Nasional pula telah membentuk jurang ketidaksamarataan yang hanya memberikan manfaat kepada sebilangan kecil rakyat Malaysia iaitu terdiri daripada golongan 20 peratus yang memiliki pendapatan tinggi. Sementara itu golongan berpendapatan rendah terus terhimpit dengan bebanan kenaikan kos sara hidup dan kekal berada ditahap status sama.⁷⁴ Dalam membangunkan semula ekonomi negara, Pakatan Harapan menawarkan janji yang juga sebahagian daripada perancangan pembangunan ekonomi sekiranya berada dalam kedudukan kerajaan Persekutuan. Antara janji tersebut adalah untuk merangsang pelaburan, menerokai peluang pasaran antarabangsa, merangsangkan pertumbuhan sektor

71 Asmadi Hassan, Rohayati Paidi dan Muhammad Danial Azman, 2019, hlm. 180-181.

72 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm 37.

73 Siti Noranizahhafizah Boyman dan Jayum A. Jawan, 2020, hlm. 50.

74 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm 66.

ekonomi baru, perlindungan harta intelek-melabur dalam aktiviti inovasi secara lebih rancak dan menggalakkan pelaburan berterusan dari negara China dan negara-negara Asia lain. Berdasarkan manifesto ini menjelaskan bahawa Pakatan Harapan memiliki rancangan pembangunan ke arah ekonomi terbuka dan berdaya saing. Justeru itu, manifesto ini menjelaskan pendirian Pakatan Harapan membuka jalinan kerjasama ekonomi bersama negara rantau ASEAN, negara Asia dan China.⁷⁵

Seterusnya memperluaskan pasaran ekonomi Malaysia dengan merancang memperluaskan rundingan bersama negara Kesatuan Eropah dan negara-negara maju. Tawaran yang dijelaskan ini merupakan rancangan dasar ekonomi Pakatan Harapan dalam berusaha menggalakkan pelaburan asing bagi membuka pasaran baru yang memiliki produktiviti tinggi dan berdaya saing. Akhir sekali, Pakatan Harapan menitikberatkan pembangunan ekonomi secara menyeluruh dan dibangunkan secara mampan demi memastikan kepentingan pemeliharaan alam sekitar.⁷⁶

Manifesto Pakatan Harapan Peringkat Negeri Sembilan

Usaha PH menubuhkan pentadbiran Barisan Nasional juga tertumpu diperingkat negeri dengan berusaha menambah penguasaan Pakatan Harapan dalam membentuk kerajaan negeri. Berdasarkan konteks pentadbiran diperingkat negeri, Pakatan Harapan memiliki kuasa pentadbiran bagi kerajaan negeri di Selangor dan Pulau Pinang pada Pilihan Raya Umum ke-13. Pentadbiran kerajaan negeri Kelantan pula dikuasai oleh pentadbiran PAS. Manakala, negeri-negeri lain seperti Perlis, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Sarawak dan Sabah pula berada di bawah pentadbiran Barisan Nasional.

Penguasaan pentadbiran Barisan Nasional diperingkat negeri ini sudah pastinya bukan sesuatu yang mudah bagi Pakatan Harapan. Begitu juga dalam konteks Negeri Sembilan yang berada di bawah pentadbiran Barisan Nasional dengan memiliki sebanyak 22 kerusi DUN.⁷⁷ Meskipun diperingkat nasional memperlihatkan Pakatan Harapan memiliki kelebihan berdasarkan isu rasuah dan penyelewengan dana 1MDB yang membelenggu ketidakpercayaan terhadap kepimpinan Dato' Seri Najib Razak.⁷⁸ Namun begitu, situasi kelebihan tersebut tidak begitu mudah di Negeri Sembilan yang dipimpin Dato' Seri Mohamad Hasan. Tetapi juga bukanlah sesuatu mustahil dalam menubuhkan pentadbiran Barisan Nasional di Negeri Sembilan. Hal demikian kerana Pakatan Harapan tetap memiliki kelebihan dalam membawa isu politik nasional dengan membentuk sentimen sama di Negeri Sembilan.

Pakatan Harapan atau Pakatan Rakyat semasa Pilihan Raya Umum ke-13 berjaya memenangi sebanyak 15 kerusi DUN. Pada Pilihan Raya Umum ke-14 pula, Pakatan Harapan meletakkan sebanyak 36 calon iaitu untuk bertanding di semua kerusi Dewan Undangan Negeri Sembilan.⁷⁹ Pakatan Harapan menyediakan tawaran khusus atau manifesto di Negeri

75 Siti Noranizahhafizah Boyman dan Jayum A. Jawan, 2020, hlm. 52.

76 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm. 66.

77 Data Terbuka Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-13.

78 Muhamad Nadzri Mohamed Noor dan Jamaie Hj. Hamil, Politik, 2018, hlm. 398.

79 Namun begitu, permohonan calon Pakatan Harapan bagi kerusi DUN Rantau telah ditolak pada hari penamaan calon. Maka, calon Pakatan Harapan secara rasmi yang bertanding adalah sebanyak 35 calon. Sila lihat, PRK Rantau: Nafi Streram Ditolak Sebagai Calon, Sinar harian, 25 November 2018.

Sembilan dalam usaha mencabar kedudukan Barisan Nasional. Tawaran Pakatan Harapan kepada pengundi Negeri Sembilan ini bersandarkan kepada manifesto diperingkat Nasional. Antara tawaran tersebut ialah meningkatkan hasil negeri, meningkatkan pelaburan negeri, menyediakan perumahan mampu milik dan menyediakan bantuan serta insentif kepada golongan B40.

Manifesto Pakatan Harapan diperingkat nasional turut menyentuh mengenai pembangunan ekonomi diperingkat negeri. Fokus utama adalah untuk memajukan industri kecil dan Sederhana. Manifesto ini menetapkan visi memastikan industri kecil dan sederhana memiliki daya saing diperingkat ASEAN dan berperanan aktif dalam rangkaian global.⁸⁰ Seterusnya, Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang terdiri daripada industri pembuatan dan perkhidmatan sebagai sektor ekonomi utama. Sektor industri pembuatan sudah bertapak dengan kewujudan kawasan pembangunan perindustrian terutama sekali yang tertumpu dalam rancangan pembangunan MVV. Pakatan Harapan menetapkan tawaran sekiranya diberikan mandat membentuk kerajaan untuk meningkatkan pelaburan dan menasaskan pelaburan mencacah RM9 bilion.⁸¹ Walau bagaimana dalam merancang pertumbuhan ekonomi berdasarkan industri bernilai tinggi ini. Pakatan Harapan menerusi manifesto menetapkan keseimbangan pembangunan ekonomi yang berpaksikan prinsip kelestarian dan pembangunan mapan yang mesra alam. Prinsip ini selaras dalam menyokong Agenda Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG) dalam kerangka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Sehubungan itu, pelaburan yang memiliki industri berteknologi tinggi dan menggunakan tenaga daripada sumber boleh diperbaharui iaitu bersifat lestari akan diberikan keutamaan.⁸²

Seterusnya, Pakatan Harapan menawarkan janji untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat Negeri Sembilan. Langkah meningkatkan pembinaan rumah mampu milik kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan memberikan insentif cukai dan memudahkan proses penukaran status tanah kepada pemaju yang merancang pembinaan rumah mampu milik.⁸³ Pakatan Harapan komited mahu memastikan rakyat benar-benar dapat memiliki rumah iaitu bukan hanya sekadar menduduki sesebuah rumah dengan menyewa. Maka, dalam mengutamakan perumahan kepada rakyat ini Pakatan Harapan mengutamakan skim sewa milik (*rent-to-own*). Inisiatif ini turut merangkumi rakyat yang sedang menyewa dengan menyediakan peluang untuk golongan ini memiliki rumah melalui skim sewa milik. Cadangan tersebut dapat dilaksanakan dengan merancang kerjasama kata sepakat bersama pihak bank-bank komersial dan pemaju swasta dalam menyediakan skim sewa milik bagi tujuan pemilikan perumahan. Namun begitu, inisiatif tersebut sebenarnya tidak mencukupi kerana menyedari permainan daripada pihak pemaju yang sengaja membiarkan pasaran mengalami kenaikan harga sebelum memulakan projek. Bagi mengatasi masalah ini, satu had masa ditetapkan dalam projek perumahan bertujuan memastikan sesebuah projek perlu disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.⁸⁴ Langkah tersebut memastikan pemaju tidak menyimpan tanah perumahan tanpa diusahakan.

80 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm. 68.

81 97 Peratus Manifesto Ditunaikan Sepanjang Lima Tahun, Berita Harian, 28 Jun 2023.

82 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm. 85-86.

83 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm. 21.

84 Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14, 2018, hlm. 20

Kesimpulan

Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14, Pakatan Harapan sebagai sebuah gabungan politik pembangkang baru bersama penyertaan parti yang juga baru dianggap memiliki kelebihan untuk mencabar dominasi Barisan Nasional. Lebih lagi, skandal 1MDB dan salah tadbir urus negara dalam pentadbiran Barisan Nasional telah dimanfaatkan oleh Pakatan Harapan yang dijadikan sebagai isu utama kempen pilihan raya. Walau bagaimanapun, situasi berbeza di Negeri Sembilan yang dilihat tidak mempunyai isu besar melibatkan penyelewengan dan salahguna kuasa dalam pentadbiran yang dapat dikesan.

Pentadbiran Barisan Nasional di Negeri Sembilan di bawah kepimpinan Mohamad Hasan sebagai Menteri Besar dilihat mempunyai dasar rancangan pembangunan ekonomi yang baik dan memiliki kepercayaan dalam kalangan rakyat. Prestasi pembangunan ekonomi negeri yang semakin berkembang menjadi taruhan Barisan Nasional kepada rakyat Negeri Sembilan. Rancangan pembangunan ekonomi jangka masa panjang disediakan dan antara rancangan tersebut ditawarkan dalam bentuk manifesto bagi menghadapi PRU-14. Sementara itu, Pakatan Harapan menerusi manifesto menawarkan reformasi dalam pentadbiran dan politik bagi membentuk pentadbiran yang baik "*Good Governance*" bertujuan menyelesaikan atau membaiki "kerosakan" yang telah dilakukan sepanjang pentadbiran Barisan Nasional. Begitu juga, menawarkan janji yang dekat dengan isu rakyat iaitu untuk menurunkan kos sara hidup melibatkan semua golongan lapisan masyarakat.

Rujukan

Laporan Rasmi

Data Penting Negeri Sembilan. 2013. Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan.
Data Sosioekonomi Negeri Sembilan. 2015. Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan.
Laporan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045. 2018. Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan).

Data Terbuka Kerajaan

Data terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum ke-11.
Data terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum ke-12.
Data terbuka Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Pilihan Raya Umum ke-13.

Kempen Pilihan Raya

Manifesto Barisan Nasional Pilihan Raya Umum ke-14. 2018.
Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14. 2018.
Brosur Kempen Pilihanraya. 2022. Mohamad Hj. Hasan, calon ahli parlimen P. 131 Rembau.

Artikel

Ariff Aizuddin dan Mohammad Khairuddin. 2018. Ayunan Bandar dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. Vol. 45, (2) December: 251-272.

Asmadi Hassan, Rohayati Paidi dan Muhammad Danial Azman. 2019. Jepun Vs Malaysia: Strategi Kempen Pilihan Raya Umum 2017 dan 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46 (1): 172-195.

Hutchinson Francis. 2016. The Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail: Costs, Contracts, and Complication, Perspective, *Yusof Ishak Institute. Researchers at ISEAS – Yusof Ishak Institute Share Their Understanding of Current Events*. Issue 2016, No. 7, 7 February: 1-11.

Junaidi Awang Besar. 2021. Prestasi UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH) dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6 Issue 24, June: 30-58.

Mohammad Agus Yusoff dan Muhammad Mashril. 2019. Pengaruh Aktor Campur Tangan Halus dalam Pru-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46 (2) Disember: 178-195.

Muhamad Nadzri dan Jamaie Hj. Hamil. 2018. Politik, Pengundi dan Faktor Melayu/Bumiputera: Analisis Terhadap Kegagalan Barisan Nasional dalam PRU 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. Vol. 45, (2) December: 386-408.

- Muhammad Ariff Asyrul Adnan dan Sity Daud. 2018. Manifesto Barisan Nasional dan Kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 45 (2):343-366.
- Norhayati Mohd. Salleh. 2008. Pilihan Raya Umum Ke-12 (Pru-12): “Tsunami” Politik Melayu? *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*. Vol. 35: 49-64.
- Siti Noranizahhafizah Boyman dan Jayum A. Jawan. 2002. Manifesto Parti Politik Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan, *Jurnal Perspektif (2022) Jil. 14 Bil. 2*: 44-58.
- Thara Wong Woharn, Mohd Yusof Hussain & Azima Abdul Manaf. 2010. Faktor Penentu Pemilihan Lokasi Industri Pembuatan: Kajian Kes Kawasan Perindustrian Nilai. *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space*. 6 issue 2: 20-36.
- Thock Ker Pong and Tan Yen Yee. 2018. Urban Tsunami dalam PRU ke-13: Analisis Pola Pengundian Masyarakat Cina Malaysia. *Journal of Chinese Literature and Culture*. Vol. 6. No. 1. June: 56-77.

Tesis

- Abdul Salim Bin Tajudin. 2018. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepercayaan Pengundi Melayu Terhadap Barisan Nasional Di Wilayah Utara. *Ghazali Shafie Graduate School of Government. Tesis Doktor Falsafah*.

Laman Sesawang

- Steven Wong. 12 April 2013. Menilai Manifesto Barisan Nasional. (www.astroawani.com)
- Rafizi Ramli. 2023. Maklumbalas Dan Analisa Manifesto Barisan Nasional. (www.Rafiziramli.com)

Surat Khabar/Portal Berita

- Berita Harian. 24 Jun 2016. MT UMNO Pecat Muhyiddin, Mukhriz; Gantung Shafie.
- Berita Harian. 7 April 2018. Ucapan Pelancaran Manifesto BN.
- Berita Harian. 22 Mei 2018. Lembah Wawasan.
- Berita Harian. 17 Ogos 2018. Beri Peluang Kerajaan Penuhi Manifesto.
- Berita Harian. 28 Jun 2023. 97 Peratus Manifesto Ditunaikan Sepanjang Lima Tahun. Bernama. 9 Januari 2018. Kerajaan Negeri Sembilan Tidak Perkenal Dasar Baharu Tahun Ini.
- Bernama. Makmurkan Negeri, Sejahterakan Rakyat Janji Manifesto BN Negeri Sembilan. 21 April 2018.
- Harian Metro. 8 Mei 2018. Dua Teras Tumpu Kebajikan Rakyat, Pembangunan.
- New Straits Times. 7 April 2018. BN Manifesto: PM Datuk Seri Najib Razak’s Full Speech.
- Portal Astro Awani, Zaim Ibrahim. 9 Mac 2018. Manifesto PH populis tetapi strategik – Penganalisis.(Diakses pada 10 Ogos 2023).
- Portal Raketkini. 12 Mac 2018. Tiada yang terpinggir dalam Manifesto HARAPAN. (Diakses pada 7 Ogos 2023)
- Sinar Harian. 25 November 2018.PRK Rantau: Nafi Streram Ditolak Sebagai Calon.